

19 MAR 2002

Mara-Bavaria/I

M'SIA PATUT HANTAR LEBIH RAMAI PELAJAR KE JERMAN, KATA MENTERI

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MUNICH, 19 Mac (Bernama) -- Pelajar Malaysia patut digalakkan melanjutkan pelajaran mereka di Jerman bagi memanfaatkan pendekatan pembelajaran pratikalnya yang cemerlang, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Beliau berkata disebalik kerjasama ekonomi dan teknikal yang kukuh dengan Jerman, hanya sebilangan kecil pelajar Malaysia telah mendapat faedah daripada sistem pendidikan baik di negara.

"Statistik terbaru yang ada pada kita menunjukkan bahawa kurang daripada 150 pelajar Malaysia yang sedang belajar di seluruh Jerman," kata Mohamed Nazri pada satu majlis menandatangani dokumen kerjasama antara Mara dan Kementerian Sains, Teknologi dan Kesenian Bavaria di sini pada Isnin.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang melakukan lawatan tiga hari ke Jerman.

Kerjasama antara kedua-dua pihak itu akan memberi laluan kepada Mara untuk menghantar pelajar-pelajar terbaiknya untuk melanjutkan pengajian di beberapa universiti teknikal di negeri di bahagian selatan Jerman itu yang mempunyai kira-kira 12 juta penduduk.

Mohamed Nazri berkata beliau telah mengarahkan Mara untuk menimbangkan menghantar pelajar-pelajar terbaiknya untuk belajar di Jerman ekoran lawatan beliau ke beberapa universiti di negara itu pada 2000 atas jemputan Kerjasama Teknikal bagi Agensi Jerman.

Hasilnya, satu program persediaan diwujudkan pada 2001 di Institut Jerman-Malaysia di Cheras untuk menyediakan pelajar yang berkelayakan untuk mengikuti kursus kejuruteraan di Bavaria.

Kumpulan pertama 45 pelajar dijangka berada di sini pada September tahun depan.

Mohamed Nazri kemudiannya memberitahu pemberita yang membuat liputan lawatan Dr Mahathir itu bahawa belajar di Jerman adalah lebih murah berbanding dengan negara-negara tertentu kerana pelajar tidak perlu membayar yuran tuisyen.

Sementara itu, Ketua Pengarah Mara Datuk Mohamed Mydin Mohamed Sheriff berkata lima institusi pendidikan tinggi telah dikenal pasti setakat ini bagi tujuan menghantar pelajar Mara ke Bavaria.

Beliau berkata jumlah pelajar bagi kumpulan yang kemudiannya mungkin akan ditambah.

Dokumen itu ditandatangani oleh Mohamed Nazri bagi pihak Mara dan Menteri Sains, Teknologi dan Kesenian Bavaria Hans Zehetmair.

-- BERNAMA

MAM AHH RHM